BAB 2
BANTUAN KECEMASAN

LATIH TUBI

BAB 2.2 HEIMLICH MANOEUVRE

Nama Penuh :

Tingkatan :

LIVEWORKSHEETS

A. Sila pilih jawapan yang betul.

1. Antara situasi berikut, yang manakah keadaan yang membolehkan kaedah Heimlich Manoeuvre dilakukan?

A. Tiada respon terhadap rangsangan

B. Tidak bernafas

C. Tercekik

D. Tiada degupan jantung

2. Rajah berikut menunjukkan antara langkah-langkah teknik Heimlich Manoeuvre KECUALI..

A

B

C

D

3. Antara berikut, pernyataan yang manakah betul mengenai Heimlich Manoeuvre?

A. Teknik tolakan abdomen

B. Tekanan di dada

C. Hembusan ke mulut

D. Hembusan mulut dan tekanan di dada

LIVEWORKSHEETS

4. Rajah di bawah menunjukkan pergerakan makanan. Apakah organ yang memastikan makanan tersebut tidak masuk ke laluan pernafasan?



A. Trakea

B. Epiglotis

C. Esofagus

D. Bolus

5. Situasi berikut menunjukkan seseorang itu memerlukan kaedah Heimlich Manoeuvre KECUALI?

A. Tidak dapat bercakap dan batuk

B. Tiada degupan jantung

C. Kulit bibir dan kuku kebiruan

D. Memegang leher dengan kedua-dua tangan

6. Apakah kesan kepada otak jika seseorang itu tercekik?

A. Tidak dapat mentafsir impuls

B. Otak tidak dapat oksigen mencukupi

C. Rangsangan dan gerak balas akan lambat dan perlahan

D. Jantung berhenti berdegup dengan serta merta

LIVEWORKSHEETS

7. Bagaimanakah kaedah Heimlich Manoeuvre boleh digunakan terhadap ibu yang mengandung?

A. Tekanan di belakang badan

B. Kedudukan tangan di pangkal tulang dada

C. Lakukan hembusan mulut ke mulut sahaja

D. Tekanan di dada dengan laju

8. Bagaimanakah teknik Heimlich Manoeuvre boleh digunakan terhadap bayi yang tercekik?

A. Tepuk bahagian tengah belakang badan bayi

B. Lakukan teknik Heimlich seperti biasa

C. Lakukan hembusan mulut

D. Baringkan bayi dengan cara telentangkan badan bayi

9. Bagaimanakah sentakan kuat pada dada dapat mengeluarkan objek yang tersekat di saluran pernafasan?

A. Jantung dapat berdegup kembali dan mengalirkan darah ke seluruh badan

B. Peparu dalam dada dapat oksigen yang mencukupi

C. Tekanan dalam peparu akan menolak objek keluar dari saluran pernafasan

D. Epiglotis akan tertutup semula akibat sentakan

10. Adakah tercekik boleh menyebabkan kematian? Terangkan jawapan anda.

A. Tidak, kerana jantung masih berdegup

B. Ya, kerana darah tidak mengalir ke seluruh badan

C. Tidak, kerana otak masih berfungsi seperti biasa

D. Ya, kerana otak tidak dapat oksigen yang mencukupi.

LIVEWORKSHEETS